**Terma dan Syarat berikut adalah terpakai kepada Kempen Cabutan Bertuah untuk "*Ar Rahnu dan Menang*" 2018, Bank Muamalat Malaysia Berhad ("BMMB") (6175-W).**

*The following terms and conditions apply to Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) (6175-W), Lucky Draw Prizes for "Ar Rahnu dan Menang" 2018 Campaign.*

1. **Cabutan Bertuah Hadiah-Hadiah untuk "Ar Rahnu dan Menang" 2018 ("Kempen") adalah selepas Kempen, yang bermula dari 1 Ogos 2018 sehingga 31 Mac 2019 ("Tempoh Kempen").**

   *The Lucky Draw Prizes for "Ar Rahnu dan Menang" 2018 Campaign (the "Campaign") is after the Campaign, which will run from 1 August 2018 until 31 March 2019 ("Campaign Period").*

2. **Kempen ini adalah terbuka kepada Pelanggan Ar Rahnu BMMB baru dan sedia ada yang bermastautin di Malaysia.**

   *The Campaign is open to new and existing BMMB Ar Rahnu Customers residing in Malaysia*

3. **Pemilihan Pemenang**

   **3.1 Dalam menentukan para pemenang Kempen, sistem Mata Terkumpul (MT) digambarkan seperti di bawah item 3.1.1. Oleh itu, semakin banyak nilai Marhun (nilai emas), semakin tinggi peluang pelanggan untuk menang:**

   *Winner Selection*

   *In determining the Campaign's winners, the Campaign Entry Point (EP) system is applied as illustrated below in item 3.1.1. Hence, the more Marhun (gold value), the greater chances of winning:*

   3.1.1 **Pelanggan Akaun Ar Rahnu BMMB**

   - **Sebagai syarat untuk layak menyertai kempen ini, Pelanggan dikehendaki untuk mengekalkan Marhun minima sebanyak RM3,000. Untuk setiap RM3,000, Pelanggan akan layak mendapat sebanyak 1MT (Mata Terkumpul).**

   *BMMB Ar Rahnu Customer:*

   - *In order to be eligible for participation in the Draw, Customer is to maintain minimum Marhun of RM3,000. For every RM3,000, Customer will get 1 EP (Entry Point).*

**3.1.2 Pelanggan tidak digalakkan untuk menebus daripada akaun Ar Rahnu sepanjang Tempoh Kempen. Penebusan awal kurang daripada sebulan akan hilang kelayakan untuk (i) ganjaran MG-i dan (ii) cabutan hadiah selepas tempoh kempen.**

*Customer is not encouraged to redeem from Ar Rahnu account throughout the Campaign Period. Early withdrawal or redemption in less than a month will be disqualified for (i) MG-i reward and (ii) prize draw after the campaign period.*

**3.1.3 Kelayakan MT Ar Rahnu bagi Akaun Muamalat Gold-i (MG-i Akaun)**

- **Bagi setiap nilai Marhun RM3,000.00, Pelanggan akan mendapat 1 MT dan layak untuk menerima RM10 MG-i Akaun sahaja; contoh untuk RM10,000 Marhun Pelanggan akan mendapat 3 MT dan RM10 MG-i Akaun sahaja.**
- **Pelanggan Ar Rahnu yang layak dikehendaki membuka akaun MG-i bagi tujuan deposit kelayakan MG-i**

*3.1.3 Ar Rahnu EP Qualifier for Muamalat Gold-i Account – (MG-i Account)*

- *For every RM3,000.00 of Marhun value, Customer will get 1 EP and entitle for RM10 of MG-i account only; e.g. for RM10,000.00 of Marhun value, Customer will get 3 EPs and RM10 of MG –i Account only.*
- *Qualified Ar Rahnu Customer is required to open MG-i Account for purpose to depositing the MG-i rewards.*

**3.1.4 Cabutan Hadiah**

- **Pemenang akan dipilih melalui sistem cabutan rawak selepas Tempoh Kempen berakhir (Mac 2019).**

*Prize Draw*

- *Winners will be selected through a random system selection after the end of the Campaign Period (March 2019).*

**3.2 Pemenang-pemenang akan ditentukan oleh jawatankuasa pemilihan pemenang BMMB di mana keputusan adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, mahupun bantahan tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.**

*Winners shall be determined by BMMB's winner selection committee whose decision shall be final and conclusive. No correspondence, queries, appeals or protest will be entertained in any event.*

**4 Notis pemberitahuan pemenang**

**Pemenang akan diberitahu melalui surat, mel dan/atau panggilan telefon. Nama-nama mereka akan dipaparkan di laman sesawang BMMB www.muamalat.com.my dan/atau surat khabar yang terpilih.**

*Winner notification*
*The winners will be notified via letter, mail and/or telephone call. Their names will also be published in BMMB website www.muamalat.com.my and/or selected newspaper.*

**5. Hadiah-hadiah**

**5.1 Hadiah-hadiah hendaklah didaftarkan di atas nama-nama pemenang (jika berkenaan).**

*Prizes*
*Prizes must be registered in the name of the Winners (if applicable).*

**5.2 Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar (kepada tunai atau kepada saiz yang berbeza, warna, atau model selain daripada hadiah ditentukan oleh BMMB untuk hadiah-hadiah cabutan) dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini**

*Prizes are neither transferable nor exchangeable (for cash or to different size, color or model other than the prizes determine by the Bank to be the prizes of the draw) and subject to the Terms and Conditions stated herein.*

**5.3 Pemenang Kempen ini hendaklah bertanggungjawab ke atas semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.**

*Winners of this Campaign shall be liable for all taxes, rates, government fees or any charges that may be levied against them under the applicable laws, if any.*

**6. Tuntutan hadiah**

6.1 **Pemenang dikehendaki menuntut hadiah dalam tempoh 21 hari dari hari pengumuman nama-nama pemenang, hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan sekiranya gagal berbuat demikian.**

*Claim of prizes*
*Winners must claim prizes within 21 days from the day of announcement of the winners, failing which the unclaimed prizes will be forfeited.*

6.2 **Untuk menuntut hadiah, pemenang mesti mengemukakan kad pengenalan mereka untuk pengesahan dan juga perlu menandatangani borang / perisytiharan (jika ada) sebagaimana yang dikehendaki oleh BMMB.**

*To claim for the prizes, the winners must produce their identification cards for verification and to sign any form/declaration (if any) as required by BMMB.*

6.3 **Di dalam kes kematian di mana pelanggan adalah pemenang cabutan, tuntutan hadiah hanya boleh dibuat oleh benefisiari kepada simati dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kematian.**

*In the event of death of an Customer is a winner, claim of prize can only be made by his/her beneficiary within 12 months from the date of decease.*

7. **Pengesahan dan Penguatkuasaan**
   **7.1 BMMB berhak untuk menukar atau meminda mana-mana aspek di dalam Kempen atau mana-mana bahagian di dalam terma dan syarat ini tanpa notis terlebih dahulu.**

   *Declaration and Authorization*
   *BMMB reserves the right to change or amend any aspect of the Campaign or any parts of these Terms and Conditions without prior notice.*

8. **BMMB berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh BMMB, pemegang akaun adalah tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada BMMB untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau pengantungan tersebut.**

   *BMMB reserves the right to cancel, terminate or suspend this Campaign with or without prior notice. For avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by BMMB of the Campaign shall not entitle Customer to any claim or compensation against BMMB for any and all losses or damages suffered or incurred by Customer as a direct or indirect results of the act of cancellation, termination or suspension.*

9. **Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan adalah dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini beserta Terma dan Syarat agensi yang dilantik dan dengan secara tidak boleh batal membenarkan BMMB untuk mendedahkan informasi mengenai butir-butir Pelanggan kepada pihak lain yang secara langsung atau tidak langsung menganjur serta mempromosikan Kempen ini. BMMB mempunyai hak eksklusif untuk mengumumkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Kepunyaan dalam bentuk borang kempen (jika ada), nama-nama dan gambar-gambar pemenang adalah milik BMMB.**

   *By participating in this Campaign, the accountholders are deemed to have read and understood and have agreed to be bound by these Terms and Conditions and appointed agencies terms and conditions and irrevocably authorized BMMB to disclose, reveal, divulge information regarding their particulars to the parties involved directly or indirectly in organizing and promoting the campaign. BMMB reserves the exclusive right to publish or display the names and photographs of the winners for advertising and publicity purposes. Property in campaign forms (if any), names and photographs of winners belong to BMMB.*

10. **BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kecederaan atau kehilangan nyawa dan barang-barang berharga atau mana-mana kerosakan walau apa pun atau bagaimana jua pun yang dialami atau ditanggung secara berterusan oleh Pelanggan yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan**

**atau sebahagian daripada penyertaan atau hadiah yang dimenangi dalam kempen ini atau sebagai akibat dari tindakan atau peninggalan dari bahagian BMMB. BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan dengan kempen ini disebabkan oleh kejadian alam semulajadi, peperangan, rusuhan, mogok, tindakan industri, kebakaran, banjir atau mana-mana situasi di luar kawalan BMMB.**

*BMMB shall not be liable for any injury or loss of lives and valuables or any other loss or damage whatsoever or howsoever suffered or sustained by the accountholders arising or resulting, directly or indirectly, in whole or part, form their participation in the Campaign or from the prize or prizes won by them through the Campaign or as a result of any of act of omission on the part of BMMB. BMMB shall not be liable for any failure to perform any obligation in respect of this Campaign due to any act of God, war, riot, strike, lock out, industrial action, fire, flood or any event beyond reasonable control of BMMB.*

11. **Yang tersimpan dan tidak terkecuali untuk Terma dan Syarat khusus kempen yang tertulis di sini, segala terma dan syarat lain yang termaktub di dalam Terma dan Syarat akaun Ar Rahnu BMMB haruslah diguna-pakai.**

    *Save and except for the specific Campaign Terms and Conditions stated herein, all other terms and conditions set out in the Terms and Conditions governing BMMB Ar Rahnu account shall continue to apply.*

12. **Sekiranya terdapat ketidak-selarasan atau percanggahan di antara Terma dan Syarat di dalam versi Bahasa Inggeris dan terjemahannya, versi Bahasa Inggeris akan diguna-pakai. Sekiranya terdapat ketidak-selarasan di antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosinya, Terma dan Syarat ini haruslah diguna pakai.**

    *In the event of any inconsistency or discrepancy between the English version of these Terms and Conditions and the translation of these Terms and Conditions in any language, the English version shall prevail. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any brochures, marketing and promotional materials relating to the Campaign or its promotion, these Terms and Conditions shall prevail.*

13. **Jika pemenang diketahui tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, BMMB berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang dapat ditentukan oleh BMMB dengan sepadannya.**

    **Walaupun seperti di atas, jika berlaku kematian pemenang yang memegang akaun Ar Rahnu dan MG-i, BMMB akan mendepositkan hadiah kemenangan ke akaun MG-i pemenang tersebut dan saudara terdekat si mati akan berhak terhadap hadiah tersebut setelah mengemukakan Surat Kuasa Tadbir dan/atau apa-apa dokumen lain yang diperlukan oleh BMMB.**

*If a winner is subsequently found to be ineligible to participate in the Campaign or claim the prize conferred, BMMB reserves the right to forfeit or reclaim the prize and confer the same on such other winner as may be determined in such manner as BMMB deems fit.*

*Notwithstanding to the above, in the event of death of an individual Ar Rahnu and MG-i Customer winner, BMMB shall deposit the winning prize to his/her MG-i account and the next of kin of the deceased winner shall be entitled to withdraw the winning prize upon producing the Letter of Administration and/or any other documents required by BMMB.*